**Sahabat Alam Malaysia**
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
https://www.foe-malaysia.org

**Surat Kepada Pengarang** **7 Januari 2022**

**Mempercepatkan usaha mendapatkan dana antarabangsa untuk adaptasi iklim**

Sahabat Alam Malaysia (SAM) ingin mengulangi gesaan Ahli Parlimen Subang Wong Chen baru-baru ini bahawa Malaysia perlu mendapatkan dana antarabangsa untuk adaptasi iklim. Langkah-langkah adaptasi di sini merujuk kepada tindakan-tindakan untuk menyelaraskan sistem ekologi, sosial atau ekonomi kita untuk menangani kesan-kesan perubahan iklim yang benar-benar atau dijangka akan terjadi, seperti kejadian cuaca yang melampau.

SAM pada masa lalu telah menekankan keperluan untuk mempertingkatkan usaha Malaysia dalam mendapatkan dana-dana antarabangsa bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dan mempertingkatkan perlindungan hutan dan biodiversiti kita; tujuannya adalah untuk tidak menggalakkan lagi negeri-negeri dari melakukan pengubahan guna tanah hutan yang akan memburukkan lagi masalah banjir.

Dana-dana antarabangsa yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) boleh didapati daripada Dana Iklim Hijau (GCF), Dana Adaptasi, Fasiliti Alam Sekitar Sedunia (GEF) dan Dana Perubahan Iklim Khas (SCCF). Matlamat dana-dana antarabangsa ini adalah untuk membantu negara-negara membangun dalam usaha mereka untuk mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca (tindakan yang dipanggil mitigasi) dan membuat adaptasi dalam menangani kesan-kesan perubahan iklim.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), terdapat peruntukan sebanyak RM7.24 billion bagi pelaksanaan langkah-langkah mempertingkatkan adaptasi dan daya ketahanan negara terhadap perubahan iklim. Namun begitu, episod banjir baru-baru ini dengan jelas menunjukkan bahawa apa sahaja langkah yang telah diambil setakat ini masih lagi jauh dari mencukupi.

Berbanding negara ASEAN lain, Malaysia sedang ketinggalan dalam mendapatkan dana iklim bagi usaha adaptasi. Contohnya, Vietnam telah mendapat USD 36.3 juta daripada GCF dan AF bagi projek adaptasi. Sementara itu, Thailand telah memperolehi geran USD 17.5 juta daripada GCF untuk mempertingkatkan daya ketahanan perubahan iklim mereka. Laos pula telah memperolehi USD 20 juta bagi projek adaptasi daripada AF dan GCF.

Malah, kajian 2016 oleh Institut Alam Sekitar Stockholm telah mendedahkan bahawa di Malaysia, "secara umumnya, kerajaannya melihat kerentanan negara berkenaan dengan perubahan iklim adalah rendah, berbanding negara lain di rantau (ASEAN) tersebut. Akibatnya, tindakan adaptasi telah diberi keutamaan yang lebih rendah berbanding dengan pembangunan ekonomi". Pemikiran sebegini jelasnya perlu diubah.

Walaupun pada masa ini Malaysia telah memperolehi geran USD 3 juta daripada GCF (yang mana setiap negara membangun berhak untuk memperolehinya), untuk membangunkan Pelan Adaptasi Nasional (NAP), kita mesti memahami bahawa dana ini hanyalah untuk penyediaan rancangan tersebut sahaja. Ianya tidak ter-

masuk dana yang diperlukan untuk pelaksanaan segala tindakan di bawah rancangan tersebut. NAP dijangka mengambil masa beberapa tahun untuk disediakan dan sumber-sumber kewangan tambahan akan diperlukan pada masa hadapan untuk segala pelaksanaan tindakannya pula.

Namun begitu, walau penyediaan NAP adalah amat kritikal, kita tidak boleh tidak berbuat apa-apa sementara menunggu ianya diselesaikan. NAP ini dijangka akan bersifat komprehensif, dan sementara menunggu penyiapannya, kerajaan persekutuan dan negeri-negeri perlu mempunyai rancangan-rancangan dan projek-projek interim (untuk sementara waktu) yang boleh digunakan untuk memperolehi dana-dana antarabangsa ini bagi projek-projek adaptasi; selain bergantung kepada sumber domestik di mana ianya sememangnya tersedia. Projek-projek sedemikian boleh merangkumi langkah-langkah berasaskan ekosistem yang akan membantu meminimumkan risiko-risiko kesan buruk perubahan iklim, membina daya ketahanan terhadap perubahan iklim dan mempertingkatkan usaha pengurangan risiko bencana dan kesiapsiagaan kita.

Contohnya, negeri-negeri boleh mengambil teladan daripada tindakan Pulau Pinang, di mana kertas cadangannya kepada AF untuk perlaksanaan projek bernilai USD 10 juta untuk 'Program Adaptasi Iklim Berasaskan Alam Semula Jadi untuk Kawasan Bandar Pulau Pinang' telah diluluskan pada September 2020. Projek ini ialah kerjasama antara kerajaan negeri, UN-Habitat dan Think-City, untuk mempertingkatkan daya ketahanan bandar dan mengurangkan kerentanan kesihatan manusia dan ekosistem terhadap kesan-kesan perubahan iklim dan kejadian cuaca melampau.

Negeri-negeri juga boleh mengemukakan cadangan-cadangan mereka sendiri. Mereka tidak hanya perlu menunggu dana-dana persekutuan untuk melaksanakan projek-projek adaptasi mereka. Agensi-agensi persekutuan lain juga boleh melakukan perkara yang sama.

Peristiwa banjir baru-baru ini telah mendedahkan banyak kelemahan dalam keupayaan negara untuk menangani kejadian cuaca melampau dan bencana. Kita mesti mempertingkatkan usaha dengan segera untuk menyokong pelbagai inisiatif yang diperlukan untuk lebih berupaya menangani kejadian cuaca melampau pada masa depan dan kesan-kesan buruk perubahan iklim.

Tanggapan bahawa negara kita tidak terdedah kepada bencana perlulah diubah, kerana iklim sedunia kini ternyata sedang berubah.

**Meenakshi Raman**
**Presiden**
**Sahabat Alam Malaysia**